

Syarat Apandi Ali tidak jadi pengerusi pasukan kaji isu Batu Puteh

# Tun M sedia dedah cerita

UM - 21/6/2022 m/s: 8

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Tun Dr. Mahathir Mohamad bersedia mendedahkan semua perkara sekiranya Tan Sri Apandi Ali tidak mempengerusikan jawatankuasa pasukan petugas khas mengkaji isu Pulau Batu Puteh atau Pedra Branca.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau akan berkongsi cerita sebenar dan bagi semua maklumat yang diperlukan kerana ramai yang bagi maklumat salah.

Ahli Parlimen Langkawi itu menegaskan, beliau tidak akan menjawab sebarang soalan selagi ada Apandi atau mana-mana pihak yang terlibat dengan kes itu.

“Penglibatan Apandi dalam jawatankuasa ini tidak sepatutnya kerana dia hanya layak menjadi saksi. Ini semuanya mengatut.”

“Apandi perlu ditukar, saya tidak kisah sesiapa pun menjadi pengerusi tetapi seseorang itu mestilah tiada kepentingan ataupun orang baharu dan tidak berpihak kepada sesiapa,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian selepas hadir sesi temu bual saksi



**MAHATHIR Mohamad ketika hadir ke jawatankuasa kecil Tort of Misfeasance di bawah pasukan petugas khas mengenai semakan undang-undang kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan di Jabatan Peguam Negara di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

untuk jawatankuasa kecil Tort of Misfeasance di bawah pasukan petugas khas semakan undang-undang kes kedaulatan Pulau Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan di Jabatan Peguam Negara di sini semalam.

Beliau memaklumkan, kehadirannya susulan pejabat Peguam Negara meminta beliau datang bagi sesi inkuiri untuk membantu siasatan isu Pulau Batu Puteh.

Bagaimanapun, kata beliau, kehadiran beliau juga untuk men-

apatkan penjelasan selepas tiga kali surat meminta penjelasan tidak dibalas.

“Apabila saya hadir dan mereka mengatakan Apandi masih pengerusi sedangkan dia terlibat dalam kes ini maka Apandi sepatutnya menjadi saksi.

“Saya tidak akan menjawab soalan dan jika mereka menjawab surat saya mengenai status Apandi, sudah pasti saya tidak akan datang hari ini sekiranya tahu Apandi masih pengerusi jawatankuasa itu,” katanya.

Ditanya mengenai tuduhan Sultan Johor ke atas dirinya, beliau berkata, Sultan bebas dan *above the law* maka boleh berkata apa sahaja atau pendapat atau salahkan sesiapa.

“Dia Sultan, boleh kata apa sahaja tetapi dia bukan hakim. Saya tidak boleh jawab.

“Apa yang saya boleh katakan, mana pergi 1,370 hektar tanah yang dijual kepada China dan hartanah di Maharani yang dijual kepada Singapura.

“Isu ini lebih besar dari seketul batu (Pulau Batu Puteh). Jika beginilah, tiadalah Johor,” katanya.